

**KERANGKA PEDAGOGI PENGAJIAN AL-QURAN BERASASKAN MASJID:  
PENGINTEGRASIAN TILAWAH, TADABBUR DAN AMAL****PEDAGOGICAL FRAMEWORK OF MOSQUE-BASED QURANIC  
EDUCATION: INTEGRATION OF TILAWAH, TADABBUR AND AMAL**

Muhammad Aizat Syimir Rozani<sup>1\*</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>2</sup>, Zaidul Amin Suffian Ahmad<sup>3</sup>  
Wan Ramizah Hasan<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, aizatsyimir@uis.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, sahlawati@uis.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, zaidulamin@uis.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, wanramizah@uis.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 03 Mac 2026

| Selepas Pembedaan: 25 April 2026

| Diterima untuk terbit: 30 Mei 2026

**Abstrak**

Masjid merupakan antara medium utama dalam menyebarkan kefahaman dan penghayatan wahyu dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Secara khusus, pengajian tafsir yang dilaksanakan di masjid memainkan peranan penting dalam membentuk literasi al-Quran yang menyeluruh, meliputi aspek bacaan, pemahaman dan pengamalan. Namun demikian, pendekatan pedagogi yang digunakan dalam pengajian tafsir di masjid sering dilihat bersifat berasingan dan tidak dihindarkan dalam satu kerangka yang sistematik dan bersepadu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti dan mensintesis pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam pengajian tafsir di masjid di Malaysia bagi membangunkan satu kerangka pedagogi awal yang lebih holistik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen secara deskriptif terhadap artikel-artikel ilmiah yang berkaitan pengajian tafsir di Masjid Malaysia. Data dianalisis bagi mengenal pasti pola dan tema utama dalam pendekatan pengajian tafsir di masjid. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajian al-Quran di masjid dapat dirumuskan kepada tiga komponen utama yang saling melengkapi, iaitu tilawah (bacaan yang bertajwid dan beradab), tadabbur (pemahaman dan penghayatan makna ayat) serta amal (pengaplikasian nilai al-Quran dalam kehidupan). Integrasi ketiga-tiga komponen ini membentuk satu kerangka pedagogi yang dinamakan sebagai Kerangka Pedagogi Tilawah, Tadabbur dan Amal. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan bahawa pengajian tafsir di masjid perlu dilihat sebagai satu proses pendidikan yang bersepadu yang menghubungkan bacaan, pemahaman dan pengamalan secara sistematik. Kerangka pedagogi yang dicadangkan berpotensi menjadi asas dalam memperkasa pengajian al-Quran di masjid serta menyumbang kepada pembangunan model literasi al-Quran yang lebih holistik dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia.

**Kata kunci**

Pengajian Al-Quran, Masjid, Tilawah, Tadabbur, Amal

**Abstract**

Mosques serve as one of the primary mediums for disseminating the understanding and internalisation of divine revelation among Muslim communities in Malaysia. In particular, tafsir studies conducted in mosques play a significant role in shaping comprehensive Quranic literacy, including the aspects of recitation, understanding and practice. However, the pedagogical approaches employed in mosque-based tafsir studies are often seen as fragmented and not consolidated within a systematic and integrated framework. Therefore, this study aims to examine and synthesise the approaches used in tafsir studies in mosques in Malaysia in order to develop a preliminary pedagogical framework that is more holistic. This study adopts a qualitative approach through descriptive document analysis of scholarly articles related to tafsir studies in Malaysian mosques. The data were analysed to identify key patterns and themes in the pedagogical approaches of mosque-based tafsir studies. The findings indicate that the approaches to Quranic education in mosques can be synthesised into three interrelated core components, namely *tilawah* (proper and disciplined recitation), *tadabbur* (understanding and reflective engagement with the meanings of the verses) and *amal* (the application of Quranic values in daily life). The integration of these three components forms a pedagogical framework referred to as the *Pedagogical Framework (Tilawah, Tadabbur and Amal)*. In conclusion, this study suggests that tafsir studies in mosques should be viewed as an integrated educational process that systematically connects recitation, understanding and practice. The proposed pedagogical framework has the potential to serve as a foundation for strengthening Quranic education in mosques and to contribute to the development of a more holistic model of Quranic literacy within the context of Muslim society in Malaysia.

**Keywords**

Quranic Education, Mosques, Tilawah, Tadabbur, Amal

**1. Pendahuluan**

Perbincangan dimulakan dengan latar belakang pengajian al-Quran berasaskan masjid sebagai institusi tradisi yang memainkan peranan penting kepada masyarakat dalam membentuk literasi al-Quran. Seterusnya, penekanan diberikan kepada isu dan cabaran semasa dalam pendekatan pedagogi pengajian al-Quran. Berdasarkan permasalahan tersebut, keperluan untuk membangunkan suatu kerangka pedagogi yang bersepadu bagi menyatukan elemen Tilawah, Tadabbur dan Amal secara sistematik akan dihuraikan. Akhirnya, bahagian ini merumuskan tujuan dan kepentingan kajian dalam menyumbang kepada pembangunan model pedagogi yang lebih holistik dan relevan dengan keperluan masyarakat kontemporari.

**1.1 Latar Belakang Pengajian al-Quran Berasaskan Masjid**

Pengajian al-Quran berasaskan masjid merupakan satu tradisi pendidikan Islam yang berakar sejak zaman awal Islam dan terus berkembang hingga ke masa kini. Sejak era Rasulullah SAW, masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, bahkan menjadi pusat utama penyebaran ilmu, pembinaan masyarakat dan pembentukan generasi berteraskan al-Quran (Jakfar et al., 2020; Sain et al., 2021; Muliati et al., 2023). Para sahabat mengikuti pengajian dalam bentuk halaqah di masjid dengan membaca, menghafal dan memahami al-Quran secara langsung di bawah bimbingan Rasulullah SAW, manakala kelompok *ahl al-Suffah* pula menjadikan masjid sebagai pusat

pengajian dan pendalaman al-Quran secara intensif (Jakfar et al., 2020). Tradisi ini menunjukkan bahawa masjid berperanan sebagai institusi pendidikan paling awal dalam Islam yang berfokus kepada pembinaan literasi al-Quran secara menyeluruh.

Perkembangan seterusnya memperlihatkan bahawa fungsi pendidikan masjid terus diperkukuh melalui pelbagai bentuk institusi yang dikembangkan daripada masjid seperti *kuttāb* semasa zaman Kerajaan Umawiyah, madrasah dan Universiti (Jakfar et al., 2020; Husna et al., 2022; Muliati et al., 2023). Namun, institusi yang terbina tersebut tetap berakar pada tradisi masjid sebagai pusat ilmu.

Dalam konteks kontemporari, masjid masih berfungsi sebagai pusat pendidikan al-Quran masyarakat melalui pelbagai bentuk pengajian seperti Taman Pendidikan al-Quran (TPQ), halaqah, kelas tajwid, program tahfiz serta pengajian tafsir untuk pelbagai peringkat umur (Hasanah et al., 2025; Iswati & Cahyono, 2022; Sain et al., 2021; Muasomah et al., 2024; Husna et al., 2022; Muliati et al., 2023). Selain itu, peranan masjid turut meluas kepada pembinaan masyarakat melalui program komuniti seperti remaja masjid, kampung al-Quran dan pendidikan diniyah sekali gus menjadikan masjid sebagai ekosistem pendidikan Qurani yang holistik (Qolbi, 2024; Sain et al., 2021; Husna et al., 2022; Nurjanah & Zulkarnaen, 2022; Hasanah et al., 2022; Muliati et al., 2023).

Dalam menghadapi cabaran semasa seperti kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dan penurunan minat dalam kalangan masyarakat, masjid terus memainkan peranan penting dengan menyediakan pelbagai program pendidikan yang bersifat inklusif dan berterusan. Hal ini memperlihatkan bahawa pengajian al-Quran berasaskan masjid bukan sahaja relevan dalam sejarah, bahkan kekal signifikan dalam membina literasi al-Quran dan memperkukuh identiti masyarakat Islam pada masa kini.

## 1.2 Isu dan Cabaran Pendekatan Pedagogi Semasa

Pendekatan pedagogi dalam pengajian al-Quran berasaskan masjid pada masa kini berdepan dengan cabaran utama yang berkait rapat dengan ketidakseimbangan dalam pelaksanaan elemen asas pembelajaran al-Quran. Walaupun pelbagai bentuk pengajian telah dilaksanakan, realitinya menunjukkan bahawa pendekatan yang digunakan masih belum sepenuhnya mengintegrasikan aspek tilawah, tadabbur dan amal secara menyeluruh dalam satu kerangka pedagogi yang sistematik.

Secara khusus, pendekatan sedia ada cenderung menumpukan kepada aspek bacaan dan hafazan melalui kaedah tradisional seperti talaqqi, halaqah dan hafazan yang sememangnya berkesan dalam memperkukuh penguasaan tajwid dan disiplin pembelajaran. Namun demikian, pendekatan ini sering tertumpu kepada pengajian satu hala daripada guru dan tidak memberi penekanan yang mencukupi terhadap kefahaman mendalam terhadap ayat al-Quran serta penghubungannya dengan realiti kehidupan (Aini, 2025; Noh et al., 2014; Basir et al., 2024). Keadaan ini menunjukkan bahawa elemen tadabbur tidak diintegrasikan secara sistematik dalam proses pengajaran, menyebabkan jurang antara bacaan dan kefahaman terus berlanjutan (Junaedi et al., 2025; Nasyirudin & Al-Kattani, 2022).

Selain itu, aspek pengamalan atau amal dalam pengajian al-Quran juga didapati tidak diberikan penekanan yang tersusun dalam kebanyakan program masjid. Pengajian sering berakhir pada tahap bacaan atau penjelasan teori tanpa disusuli dengan usaha yang jelas untuk menghubungkan kandungan al-Quran dengan pembentukan akhlak dan amalan harian (Haq, 2025; Ulum et al., 2025). Hal ini memperlihatkan bahawa elemen amal masih terpisah daripada struktur pedagogi pengajian al-Quran, sedangkan penghayatan al-Quran menuntut kesepaduan antara kefahaman dan pengamalan.

Keadaan ini secara keseluruhannya menggambarkan ketiadaan suatu kerangka pedagogi yang bersepadu yang mampu menggabungkan ketiga-tiga komponen utama iaitu tilawah, tadabbur dan amal dalam satu pendekatan yang sistematik dan berfokus. Walaupun terdapat usaha-usaha tertentu yang cuba menggabungkan elemen-elemen ini, namun pelaksanaannya masih bersifat terpisah dan tidak dibangunkan dalam bentuk kerangka pedagogi yang menyeluruh (Noh et al., 2014; Ulum et al., 2025). Justeru, cabaran utama dalam pedagogi pengajian al-Quran di masjid bukan sekadar berkaitan kaedah pengajaran, tetapi lebih mendalam kepada ketiadaan integrasi konseptual yang menyatukan bacaan, kefahaman dan pengamalan secara holistik.

Kesimpulannya, isu utama dalam pendekatan pedagogi semasa ialah kegagalan mengintegrasikan tilawah, tadabbur dan amal dalam satu kerangka pedagogi yang tersusun dan bersepadu. Keadaan ini menuntut kepada pembangunan suatu kerangka pedagogi yang mampu menyatukan ketiga-tiga elemen tersebut bagi memastikan pengajian al-Quran di masjid tidak hanya melahirkan individu yang mampu membaca, tetapi juga memahami dan mengamalkan ajaran al-Quran secara menyeluruh.

### 1.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengajian al-Quran berasaskan masjid merupakan satu tradisi pendidikan Islam yang berakar sejak zaman Rasulullah SAW dan terus berkembang sebagai medium utama dalam membentuk literasi al-Quran dalam kalangan masyarakat. Masjid berperanan bukan sahaja sebagai tempat ibadah, bahkan sebagai pusat penyebaran ilmu yang menyokong pembinaan kefahaman, penghayatan dan pengamalan al-Quran secara menyeluruh. Dalam konteks semasa, fungsi ini masih kekal relevan melalui pelbagai bentuk pengajian seperti halaqah, kelas tajwid, tahfiz dan tafsir yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Namun demikian, perbincangan terhadap pendekatan pedagogi semasa menunjukkan wujudnya permasalahan utama dalam pelaksanaan pengajian al-Quran di masjid, khususnya dari sudut ketidakseimbangan antara elemen tilawah, tadabbur dan amal. Pendekatan sedia ada masih cenderung menumpukan kepada aspek bacaan dan hafazan tanpa integrasi yang sistematik terhadap kefahaman mendalam serta pengaplikasian dalam kehidupan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa pengajian al-Quran di masjid masih belum dibangunkan dalam satu kerangka pedagogi yang bersepadu, sebaliknya dilaksanakan secara terpisah antara komponen-komponen utama tersebut.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti dan mensintesis pendekatan-pendekatan sedia ada dalam pengajian tafsir di masjid bagi membangunkan satu kerangka pedagogi bersepadu yang dikenali sebagai Kerangka Pedagogi Tilawah, Tadabbur dan Amal.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan bagi meneliti dan mensintesis pendekatan pedagogi dalam pengajian al-Quran berasaskan masjid. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam menganalisis data berbentuk teks secara mendalam bagi mengenal pasti pola, tema dan konsep yang berkaitan dengan pengintegrasian tilawah, tadabbur dan amal dalam konteks pendidikan al-Quran. Instrumen utama kajian ialah analisis dokumen yang melibatkan penelitian terhadap artikel-artikel kajian lepas yang relevan dengan bidang pengajian al-Quran di masjid. Dokumen-dokumen tersebut dianalisis secara sistematik bagi mengekstrak maklumat berkaitan pendekatan pedagogi yang digunakan,

seterusnya dikategorikan mengikut tema-tema utama yang muncul. Hasil analisis ini kemudiannya disintesis bagi membangunkan satu kerangka pedagogi yang bersepadu sebagai asas kepada pengukuhan pengajian al-Quran berasaskan masjid.

Sebagai kesinambungan kepada pendahuluan ini, perbincangan seterusnya akan meneliti sorotan literatur berkaitan tilawah, tadabbur dan amal sebagai landasan kepada hasil dan perbincangan utama iaitu berkenaan Kerangka Teori Tilawah, Tadabbur dan Amal dalam Pengajian Al-Quran di masjid.

## 2. TINJAUAN LITERATUR

Bahagian ini merupakan tinjauan terhadap literatur kajian berkaitan tilawah, tadabbur dan amal. Secara khusus, perbincangan dimulakan dengan meneliti pendekatan bacaan dan hafazan (tilawah) sebagai komponen asas dalam pembelajaran al-Quran yang menekankan ketepatan bacaan dan penguasaan tajwid. Seterusnya, perhatian diberikan kepada pendekatan pemahaman al-Quran yang merangkumi aspek tafsir dan tadabbur, bagi menghuraikan kepentingan kefahaman makna serta penghayatan mesej wahyu. Selain itu, tinjauan ini turut membincangkan pendekatan pengamalan al-Quran (amal) yang menekankan penerapan nilai dan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Ketiga-tiga komponen ini dianalisis secara bersepadu sebagai landasan teoritikal bagi membahaskan fokus utama kajian, iaitu pembangunan kerangka pedagogi pengajian al-Quran berasaskan masjid yang mengintegrasikan tilawah, tadabbur dan amal secara sistematik dan holistik.

### 2.1 Pendekatan Tilawah

Tilawah atau “التلاوة” (*Al-Tilawah*) berasal dari akar huruf *al-Tā’*, *al-Lām* dan *al-Wāw* yang bermaksud ikutan (Ibn Fāris 2002). Justeru dinamakan perbuatan membaca al-Quran sebagai tilawah kerana pembaca mengikut satu huruf ke satu huruf dalam pembacaannya.

Pendekatan tilawah merupakan komponen asas dalam pengajian al-Quran yang menjadi teras kepada pembentukan literasi al-Quran dalam kalangan penuntut al-Quran. Dalam tradisi pendidikan Islam, tilawah bukan sahaja dilihat sebagai aktiviti teknikal membaca, bahkan sebagai proses yang saling melengkapi dalam memastikan ketepatan pemeliharaan teks wahyu serta pembentukan disiplin pembelajaran yang berterusan.

Secara khusus, tilawah merujuk kepada bacaan al-Quran secara tartil yang menepati hukum tajwid, makhraj serta adab bacaan yang betul. Tilawah yang baik bukan sahaja menjadi asas kepada pembentukan hafazan yang berkualiti, bahkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan keupayaan menghafal al-Quran secara tepat dan berkesan (Alfisyah et al., 2023). Dalam konteks pedagogi, pendekatan tilawah melibatkan penggunaan kaedah latihan lisan, penilaian berterusan serta penyesuaian teknik pengajaran mengikut keperluan pelajar bagi memastikan penguasaan bacaan yang mantap (Rashid & Jamil, 2025).

Kesimpulannya, pendekatan tilawah merupakan asas penting dalam pengajian al-Quran yang menekankan ketepatan bacaan. Walaupun pendekatan ini berkesan dalam membentuk penguasaan teks al-Quran, ia perlu dilihat sebagai komponen awal yang memerlukan kesinambungan kepada aspek kefahaman dan pengamalan bagi memastikan penghayatan al-Quran yang lebih menyeluruh.

## 2.2 Pendekatan Tadabbur

Tadabbur atau “التدبر” (*Al-Tadabbur*) merupakan satu proses penelitian dan pemerhatian yang dilakukan secara berulang kali disertai dengan memikirkan maksud kepada ayat-ayat tersebut untuk memahami dan mengamalkannya dalam kehidupan (Sin 2014). Proses ini bukan sekadar memahami lafaz secara zahir, tetapi menuntut penglibatan hati dan akal secara serentak untuk meneliti makna setiap ayat, mengamati suruhan dan larangan serta bersedia untuk menerima dan mengamalkannya dalam kehidupan. Pandangan ini diperkukuh oleh Ibn Kathīr (2009) yang menegaskan bahawa tadabbur merangkumi usaha memahami makna lafaz, meneliti susunan ayat dan isyarat yang tersirat serta mengambil manfaat daripadanya melalui ketaatan terhadap perintah dan larangan. Malah, pendekatan ini melampaui tafsir literal kerana menekankan hubungan antara makna ayat dengan realiti kehidupan serta pembentukan iman, Islam dan ihsan (Achmad, 2025; Nasir et al., 2024).

Pendekatan tadabbur al-Quran merupakan komponen penting dalam pengajian al-Quran yang berfungsi sebagai penghubung antara teks wahyu dengan pemahaman dan penghayatan makna yang lebih mendalam. Dalam konteks pendidikan al-Quran, tadabbur melibatkan proses refleksi yang menyeluruh terhadap mesej, hikmah dan tujuan ayat bagi membentuk kefahaman yang signifikan dalam kehidupan.

Dari sudut pelaksanaan, tadabbur melibatkan beberapa tahap utama yang bermula dengan pembacaan ayat (*al-Tilāwah*), diikuti dengan proses *al-Tafakkur* (Berfikir) dan *al-Ta’ammul* (Merenung) terhadap makna zahir dan batin, seterusnya pengeluaran hikmah dan tujuan ayat dan akhirnya membawa kepada kesimpulan serta aplikasi dalam kehidupan. Tahap-tahap ini menunjukkan bahawa tadabbur merupakan suatu proses berfikir secara sistematik yang menggabungkan aspek intelektual, emosi dan spiritual (Senjaya et al., 2023; Nasir et al., 2024; Elenia, 2025). Selain itu, tadabbur juga berkait rapat dengan konsep *al-Tadhakkur* (Memperingati) yang menekankan pengambilan peringatan serta refleksi terhadap tanda-tanda kebesaran Allah SWT (Ishaq & Hamid, 2021; Yusuff et al., 2021).

Dalam konteks pendidikan kontemporari, pendekatan tadabbur turut dikembangkan melalui model berasaskan *maqasid al-Quran* yang menekankan pemahaman tujuan ayat dan kaitannya dengan tujuan syariat secara menyeluruh (Senjaya et al., 2023; Elenia, 2025). Selain itu, penggunaan teknologi seperti aplikasi digital dan visual membantu memudahkan proses tadabbur melalui penerokaan makna ayat secara lebih interaktif dan mudah diakses. Dalam amalan pengajaran, tadabbur juga diintegrasikan dengan aktiviti seperti perbincangan, hafazan dan latihan tajwid bagi meningkatkan kefahaman kandungan serta membentuk peribadi individu yang menitik beratkan faktor agama dalam kehidupan (Aulia et al., 2024; Arifin et al., 2020).

Kesimpulannya, pendekatan tadabbur al-Quran merupakan satu proses yang sistematik dalam memahami, merenung dan menghayati makna ayat al-Quran secara mendalam. Pendekatan ini berperanan penting dalam menghubungkan bacaan dengan kefahaman serta menjadi asas kepada pembentukan penghayatan dan pengamalan al-Quran dalam kehidupan.

### 2.3 Pendekatan Amal

Amal atau “العَمَل” (*al-'Amal*) yang berasal dari akar huruf *al-'Ayn*, *al-Mīm* dan *al-Lām* membawa maksud setiap perbuatan yang dilakukan (Ibn Fāris 2002). *Al-'Amal* lebih khusus daripada *al-Fi'l* kerana ia hanya digunakan kepada makhluk yang berakal (*al-Aṣfahānī* 1992).

Pendekatan pengamalan al-Quran merupakan salah satu komponen penting dalam pengajian al-Quran yang menekankan penterjemahan nilai-nilai wahyu ke dalam kehidupan seharian. Dalam kerangka pendidikan al-Quran, pengamalan bukan sekadar pelengkap kepada bacaan dan pemahaman, bahkan menjadi matlamat akhir yang memastikan al-Quran berfungsi sebagai panduan hidup yang menyeluruh bagi individu dan masyarakat.

Secara khusus, pengamalan al-Quran merujuk kepada proses menjadikan al-Quran sebagai pedoman dalam aspek iman, akhlak, ibadah dan budaya hidup, yang dizahirkan melalui ucapan, tindakan, pemikiran dan interaksi sosial harian. Pendekatan ini sering dikaitkan dengan konsep Living Quran atau Quran in daily life, yang menekankan interaksi berterusan antara Muslim dan al-Quran dalam rutin kehidupan seharian (Dozan & Rahman, 2021). Dalam konteks ini, al-Quran berfungsi sebagai sumber petunjuk, pemisah antara kebenaran dan kebatilan, serta panduan dalam membentuk keputusan dan gaya hidup yang selaras dengan kehendak syariat (Efendi & Iskandar, 2024; Segar & Wati, 2022).

Dari sudut pelaksanaan, pengamalan al-Quran merangkumi beberapa dimensi utama yang melibatkan aspek keimanan, ibadah, akhlak dan sosial. Dalam dimensi iman, nilai seperti sabar, syukur dan tawakkal dibentuk melalui penghayatan ayat al-Quran, manakala dalam dimensi ibadah, amalan seperti tilawah, solat dan zikir menjadi manifestasi hubungan dengan Allah SWT. Selain itu, dimensi akhlak menekankan pembentukan karakter seperti kejujuran, disiplin dan empati, sementara dimensi sosial melibatkan amalan seperti sedekah dan pembinaan solidariti masyarakat. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pengamalan al-Quran melibatkan integrasi menyeluruh antara aspek spiritual, moral dan sosial dalam kehidupan individu.

Dalam konteks pendidikan, pengamalan al-Quran diterjemahkan melalui pelbagai bentuk aktiviti seperti program pengukuhan iman dan taqwa, ibadah harian serta pembentukan akhlak melalui teladan guru dan persekitaran pembelajaran (Afriyanto & Anandari, 2025; Ningsih et al., 2022). Selain itu, amalan tradisi masyarakat seperti sedekah dan doa bersama turut menggambarkan bagaimana nilai-nilai al-Quran diterjemahkan dalam bentuk amalan sosial yang berterusan (Dozan & Rahman, 2021; Aulia et al., 2025). Pendekatan ini menunjukkan bahawa pengamalan al-Quran bukan sahaja berlaku pada peringkat individu, tetapi turut membentuk budaya dan identiti masyarakat Islam secara kolektif.

Kesimpulannya, pendekatan pengamalan al-Quran menekankan usaha menghidupkan nilai-nilai wahyu dalam seluruh aspek kehidupan melalui integrasi iman, ibadah, akhlak dan sosial. Pendekatan ini berperanan sebagai tahap akhir dalam pengajian al-Quran yang memastikan kefahaman terhadap ayat tidak terhenti pada tahap kognitif, sebaliknya diterjemahkan dalam bentuk amalan yang membentuk keperibadian dan kehidupan Muslim secara menyeluruh.

## 2.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pengajian al-Quran dapat difahami melalui tiga komponen utama yang saling berkait, iaitu tilawah, tadabbur dan amal. Pendekatan tilawah menekankan aspek bacaan yang tepat dan beradab sebagai asas kepada penguasaan teks wahyu, manakala tadabbur berfungsi sebagai proses refleksi mendalam yang menghubungkan bacaan dengan kefahaman, penghayatan serta penyingkapan hikmah dan tujuan ayat al-Quran. Seterusnya, pendekatan amal pula menzahirkan kefahaman tersebut dalam bentuk pengamalan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian yang merangkumi aspek iman, ibadah, akhlak dan sosial. Ketiga-tiga komponen ini menunjukkan suatu kesinambungan proses pendidikan al-Quran yang bermula daripada bacaan, berkembang kepada pemahaman dan seterusnya diterjemahkan dalam bentuk amalan yang menyeluruh.

Namun demikian, hasil dapatan literatur juga memperlihatkan bahawa kebanyakan kajian sedia ada cenderung membincangkan ketiga-tiga komponen ini secara berasingan, sama ada memfokuskan kepada tilawah, tadabbur atau amal tanpa menggabungkannya dalam satu kerangka pedagogi yang sistematik. Keadaan ini menimbulkan jurang kajian yang signifikan, khususnya dalam konteks pengajian al-Quran berasaskan masjid yang memerlukan suatu pendekatan bersepadu bagi memastikan proses pembelajaran tidak terhenti pada satu tahap tertentu sahaja. Justeru, terdapat keperluan untuk membangunkan satu kerangka pedagogi yang mengintegrasikan tilawah, tadabbur dan amal secara holistik sebagai asas kepada pengukuhan pengajian al-Quran di masjid. Jurang ini menjadi landasan utama kepada kajian ini dalam mencadangkan satu model pedagogi bersepadu yang mampu menyatukan ketiga-tiga komponen tersebut dalam satu sistem pendidikan al-Quran yang lebih tersusun dan berkesan.

## 3. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan yang akan dibincangkan di bahagian ini akan memfokuskan kepada penelitian terhadap pendekatan tilawah, tadabbur dan amal dalam pengajian al-Quran di masjid. Lanjutan itu, ketiga-tiga elemen ini akan disintesisasikan bagi membentuk sebuah kerangka pedagogi pengajian al-Quran berasaskan masjid dengan mengintegrasikan pendekatan tilawah, tadabbur dan amal.

### 3.1 Pendekatan Tilawah dalam Pengajian Al-Quran di Masjid

Pendekatan tilawah dalam pengajian al-Quran berasaskan masjid memperlihatkan kesinambungan tradisi pendidikan Islam yang menekankan ketepatan bacaan melalui interaksi langsung antara guru dan pelajar. Dalam konteks ini, kaedah *al-Talaqqī* (التلقي) muncul sebagai pendekatan asas yang masih diamalkan secara meluas, khususnya dalam kelas-kelas pengajian al-Quran di masjid.

*Al-Talaqqī* berfungsi sebagai medium pembelajaran yang membolehkan guru memperbetulkan bacaan pelajar secara langsung di samping menjelaskan hukum tajwid secara bersemuka. *Talaqqī* merujuk kepada pertemuan antara murid dan guru sama ada secara individu atau berkumpulan bagi memperbetulkan bacaan al-Quran. Dalam proses ini, guru bertindak sebagai sumber contoh bacaan yang tepat, seterusnya meneliti bacaan murid serta menegur setiap kesalahan yang dilakukan (Abdullah et al., 2021; Shafiai & Abdul Rahim, 2021; Muhamad et al., 2019; Sulaiman, 2018). Dalam kaedah ini, berlaku interaksi dua hala yang aktif antara guru dan pelajar, di mana guru

berperanan menyemak dan membetulkan bacaan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan ketepatan bacaan al-Quran, bahkan memperkukuh proses pembelajaran melalui bimbingan langsung yang berterusan. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek bacaan, bahkan turut melibatkan pemindahan nilai dan kefahaman dalam proses pembelajaran (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Haziq & Abdul Hafiz, 2021). Amalan talaqqi juga didapati kekal relevan dalam pelbagai konteks geografi, termasuk di Indonesia dan dalam kalangan komuniti Muslim di Eropah, yang mengekalkannya sebagai tunjang utama dalam memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam (Silvia & Rike, 2021; Semiha et al., 2021).

Selain itu, pendekatan tilawah turut diperkukuh melalui kaedah al-Mushāfahah (المشافهة) yang menekankan pembelajaran bacaan secara bersemuka antara guru dan

pelajar. Al-Mushāfahah merujuk kepada situasi di mana guru memperdengarkan bacaan al-Quran sebagai model yang tepat dan pelajar akan mengikuti bacaan tersebut secara berperingkat (Shafiai & Rahim, 2021). Kaedah ini memberi tumpuan kepada aspek ketelitian bacaan seperti sebutan makhraj, sifat huruf serta penguasaan hukum tajwid melalui proses memperdengarkan bacaan dan pembedaan secara langsung. Pendekatan ini bukan sahaja melatih kemahiran teknikal bacaan, bahkan turut membentuk adab dan disiplin dalam kalangan pelajar melalui interaksi yang berterusan dengan guru (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Silvia & Rike, 2021; Semiha et al., 2021). Penekanan terhadap maklum balas segera menjadikan al-Mushāfahah sebagai pendekatan yang berkesan dalam memastikan ketepatan dan kualiti bacaan al-Quran.

Di samping itu, pendekatan tilawah dalam pengajian al-Quran di masjid turut merangkumi aspek hafazan melalui pelaksanaan kaedah al-Tasmī' (التسميع). Kaedah ini

melibatkan proses memperdengarkan bacaan pelajar di hadapan guru untuk tujuan semakan dan penilaian, yang menekankan pengulangan serta pemantauan berterusan terhadap kefasihan bacaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Tasmī' diamalkan secara konsisten dalam pelbagai bentuk pengajian, termasuk kelas tahsin dan tafsir di Malaysia serta sistem pengajian di Indonesia, malah turut diaplikasikan dalam program komuniti seperti Maghrib Isya Mengaji (MIM) yang melibatkan golongan dewasa (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Haziq & Abdul Hafiz, 2021; Silvia & Rike, 2021; Setyo & Iksan, 2025). Pendekatan ini bukan sahaja menyokong penguasaan hafazan, bahkan turut menyumbang kepada pembinaan disiplin dan dimensi tarbiah rohani dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, pendekatan tilawah dalam pengajian al-Quran di masjid berasaskan kaedah tradisional seperti al-Talaqqī, al-Mushāfahah dan al-Tasmī' yang terus menjadi tunjang utama dalam pendidikan al-Quran. Ketiga-tiga pendekatan ini saling melengkapi dalam memastikan ketepatan bacaan, pengukuhan hafazan serta pembinaan adab dan disiplin pembelajaran, sekali gus mengekalkan keaslian tradisi pengajian al-Quran merentas konteks masa dan tempat.

### 3.2 Pendekatan Tadabbur dalam Pengajian Al-Quran di Masjid

Pendekatan tadabbur dalam pengajian al-Quran di masjid merujuk kepada usaha memahami, menghayati dan mengaitkan makna ayat-ayat al-Quran dengan realiti kehidupan semasa. Pendekatan ini tidak berjalan secara terpisah, sebaliknya berkembang dalam berkesinambungan dengan pendekatan tafsir yang menjadi asas dalam pembinaan kefahaman terhadap teks wahyu. Dalam konteks pengajian tafsir di

masjid, tadabbur berfungsi sebagai dimensi lanjutan yang memperdalamkan proses pemahaman dengan memberi penekanan kepada hikmah, nilai dan pengajaran ayat. Seterusnya membentuk kesedaran rohani dan intelektual dalam kalangan jemaah.

Dari sudut pelaksanaan, pendekatan tadabbur di masjid lazimnya dibangunkan melalui struktur pengajian tafsir yang sistematik. Sesi pengajian biasanya dimulakan dengan bacaan al-Quran sebelum diikuti dengan penjelasan makna ayat berdasarkan sumber tafsir yang muktabar, sebagaimana dilaporkan dalam kajian di Masjid Sultan Abu Bakar dan Masjid Jamek Bandar Baru Uda (Haziq & Abdul Hafiz, 2021). Pendekatan yang sama turut diaplikasikan dalam program Tafaqquh Fiddin di Pahang yang menginstitusikan pengajian tafsir secara berstruktur (Badli Shah et al., 2022) Manakala sorotan literatur oleh Nabilah dan Haziq (2023) mengesahkan bahawa kaedah tafsir kekal relevan dalam institusi pondok dan masjid sebagai ruang memahami hukum dan pengajaran wahyu. Dalam konteks antarabangsa, unsur tafsir ini juga diterapkan dalam pengajaran nilai moral dan sosial di Lembaga Pendidikan Qur'an (LPQ) Nurul Iman di Indonesia serta dalam masjid komuniti Turki di Belanda (Silvia & Rike, 2021; Semiha et al., 2021), sekali gus menunjukkan bahawa pendekatan ini bersifat universal dan merentas konteks masyarakat.

Dalam masa yang sama, pendekatan tadabbur diperkukuh melalui interaksi dua hala antara guru dan jemaah yang mendorong perbincangan, soal jawab dan refleksi terhadap ayat yang dipelajari. Kajian menunjukkan bahawa halaqah tafsir di Malaysia semakin menekankan elemen tadabbur bagi membina keupayaan pelajar berhujah dengan dalil serta mengaitkan ayat dengan realiti semasa (Nabilah & Haziq, 2023). Interaksi ini turut dizahirkan melalui sesi soal jawab dalam kelas tafsir (Haziq & Abdul Hafiz, 2021) serta amalan al-Munāqashah (Perbincangan) dalam program Tafaqquh Fiddin yang membina budaya wacana ilmiah dalam kalangan peserta (Badli Shah et al., 2022). Dalam konteks luar negara, pendekatan ini turut digunakan untuk membincangkan isu moral dan sosial dalam kalangan masyarakat minoriti Muslim di Belanda (Semiha et al., 2021), manakala di Indonesia, sesi tadabbur dilaksanakan selepas bacaan tilawah bagi menghuraikan makna dan pengajaran ayat secara kontekstual (Silvia & Rike, 2021). Keadaan ini menunjukkan bahawa tadabbur bukan sekadar proses memahami makna, tetapi juga satu bentuk dialog ilmu yang menghubungkan teks al-Quran dengan kehidupan semasa.

Kesimpulannya, pendekatan tadabbur dalam pengajian al-Quran di masjid berfungsi sebagai pelengkap kepada pendekatan tafsir dalam membentuk kefahaman yang menyeluruh terhadap wahyu. Melalui gabungan penjelasan makna, interaksi dua hala dan pengaitan ayat dengan realiti kehidupan, tadabbur berperanan memperkukuh dimensi intelektual dan rohani dalam pembelajaran al-Quran. Pendekatan ini membuktikan bahawa pengajian tafsir di masjid bukan sahaja bertujuan menyampaikan ilmu, tetapi juga membina kesedaran, pemikiran kritis dan penghayatan nilai al-Quran dalam kehidupan masyarakat.

### 3.3 Pendekatan Amal dalam Pengajian Al-Quran di Masjid

Pendekatan amal dalam pengajian al-Quran di masjid merujuk kepada usaha menterjemahkan kefahaman terhadap wahyu kepada bentuk penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini berkesinambungan daripada dimensi bacaan dan pemahaman serta memfokuskan kepada pengaplikasian nilai, prinsip dan ajaran al-Quran dalam tingkah laku individu serta interaksi sosial masyarakat. Dalam konteks pengajian al-Quran berasaskan masjid, pendekatan amal berfungsi

sebagai indikator keberkesanan proses pendidikan al-Quran yang tidak terhenti pada tahap kognitif, tetapi mencapai tahap perubahan sikap dan amalan.

Dari sudut pelaksanaan, pendekatan amal dalam pengajian al-Quran di masjid dapat dilihat melalui amalan kelas tafsir yang menjadi medium utama dalam menghubungkan makna ayat dengan realiti kehidupan. Literatur kajian menunjukkan bahawa kelas tafsir sama ada dalam bentuk kuliah khusus atau ceramah merupakan amalan yang meluas di masjid-masjid di Malaysia, Indonesia dan Turki (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Haziq & Abdul Hafiz, 2021; Badli Shah et al., 2022; Nabilah & Haziq, 2023; Silvia & Rike, 2021; Setyo & Iksan, 2025; Semihah et al., 2021). Pendekatan ini membolehkan jemaah bukan sahaja memahami makna ayat, tetapi turut mengaitkan pengajaran tersebut dengan tuntutan kehidupan sebenar. Melalui proses ini, pengajian tafsir berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan dimensi ilmu dengan amalan, sekali gus membentuk cara berfikir dan membuat keputusan berasaskan nilai al-Quran.

Selain itu, pendekatan amal turut diperluaskan melalui pelaksanaan program-program pengimarah masjid yang berlandaskan nilai-nilai al-Quran. Masjid tidak hanya berfungsi sebagai ruang ibadah ritual, tetapi turut berperanan sebagai pusat pembangunan ummah yang menyokong pembentukan masyarakat berteraskan wahyu (Azwar & Usman, 2025). Dalam konteks ini, pelbagai aktiviti seperti program literasi kewangan dan pengurusan kewangan komuniti dilaksanakan sebagai usaha mengaplikasikan prinsip penjagaan harta yang berasaskan al-Quran (Rahman, 2020). Di samping itu, fungsi sosial masjid turut dizahirkan melalui aktiviti gotong-royong, pemuliharaan dan penyelenggaraan masjid, program kebajikan serta ceramah sosial yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Aktiviti-aktiviti ini mencerminkan nilai ukhawah, tanggungjawab sosial dan keseimbangan kehidupan yang dianjurkan dalam al-Quran, sekali gus memperkukuh peranan masjid sebagai pusat peradaban Islam (Muhyiddin & Ridouan, 2021).

Kesimpulannya, pendekatan amal dalam pengajian al-Quran di masjid memperlihatkan perluasan fungsi pendidikan al-Quran daripada aspek bacaan dan pemahaman kepada pembentukan budaya hidup berasaskan wahyu. Melalui integrasi antara kelas tafsir dan program pengimarah masjid, ajaran al-Quran dapat diterjemahkan dalam bentuk amalan yang menyeluruh merangkumi dimensi individu, sosial dan komuniti. Pendekatan ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajian al-Quran di masjid bukan sahaja diukur melalui kefahaman teks, tetapi juga melalui sejauh mana nilai-nilai al-Quran dihayati dan diamalkan dalam kehidupan masyarakat.

### 3.4 Integrasikan Tilawah, Tadabbur dan Amal dalam Pembinaan Kerangka Pedagogi Pengajian Al-Quran berasaskan Masjid

Kajian ini mencadangkan bahawa integrasi tilawah, tadabbur dan amal tidak hanya berlaku dalam bentuk satu sesi pengajian, tetapi perlu difahami dalam dua dimensi utama, iaitu sebagai kerangka pedagogi mikro dalam satu program atau kelas pengajian serta sebagai kerangka ekosistem makro yang merentas keseluruhan program pengimarah masjid. Pendekatan ini berasaskan dapatan literatur yang menunjukkan bahawa pengajian al-Quran di masjid tidak terhad kepada aktiviti pembacaan dan penghuraian makna semata-mata, sebaliknya turut melibatkan dimensi penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian. Justeru, integrasi tilawah, tadabbur dan amal perlu difahami secara lebih menyeluruh sebagai satu kerangka pedagogi

bersepadu yang menghubungkan proses pembelajaran dengan realiti kehidupan masyarakat.

### 3.4.1 *Kerangka Pedagogi Pengajian Al-Quran Mikro Berasaskan Masjid*

Dalam kerangka mikro, integrasi tilawah, tadabbur dan amal berlaku dalam konteks satu sesi pengajian al-Quran, khususnya dalam kelas tafsir atau halaqah di masjid dengan struktur yang lebih tersusun dan berfasa. Proses ini tidak sekadar bergerak secara linear, tetapi membentuk satu aliran pedagogi yang berperingkat bermula dengan tilawah sebagai asas interaksi dengan teks wahyu. Tilawah dilaksanakan melalui bacaan ayat al-Quran secara bertajwid dan beradab, yang bukan sahaja berfungsi sebagai pembukaan sesi, tetapi juga sebagai mekanisme menghubungkan jemaah dengan teks secara langsung (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Haziq & Abdul Hafiz, 2021). Seterusnya, pengajar menghuraikan makna ayat melalui pendekatan tafsir yang berpaksikan sumber muhtabar, sebelum dikembangkan kepada elemen tadabbur yang membuka ruang perbincangan, soal jawab serta pengaitan ayat dengan realiti kehidupan semasa Jemaah (Badli Shah et al., 2022; Nabilah & Haziyah, 2023). Pada tahap ini, interaksi dua hala menjadi elemen penting yang mengubah sifat pengajian daripada pasif kepada aktif, sekali gus membolehkan peserta bukan sahaja memahami makna literal ayat, tetapi turut menghayati hikmah dan nilai yang terkandung di dalamnya (Semiha et al., 2021; Silvia & Rike, 2021).

Namun demikian, integrasi tilawah, tadabbur dan amal pada peringkat mikro menjadi lebih signifikan apabila diperluas kepada satu aliran pedagogi yang lebih komprehensif, iaitu daripada sekadar “tilawah–tadabbur–amal” kepada struktur yang lebih dinamik: tilawah, tadabbur, muhasabah, amal dan refleksi. Dalam kerangka ini, selepas proses tadabbur, jemaah dibimbing untuk melakukan muhasabah sendiri dengan menilai sejauh mana mesej ayat tersebut berkaitan dengan keadaan diri dan kehidupan mereka. Pengajar berperanan mencetuskan kesedaran ini melalui pertanyaan reflektif seperti “apakah ayat ini menegur kehidupan kita?” atau “bagaimana ayat ini boleh diamalkan dalam situasi harian?”. Pendekatan ini selari dengan konsep tadabbur yang menekankan proses refleksi, penghayatan dan penghubungan ayat dengan realiti kehidupan bagi membentuk kesedaran rohani dan perubahan diri (Sin, 2014; Senjaya et al., 2023; Nasir et al., 2024). Seterusnya, dimensi amal diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang lebih konkrit, di mana peserta digalakkan merancang atau melaksanakan amalan tertentu berdasarkan kefahaman ayat yang dipelajari, sama ada dalam bentuk ibadah, akhlak atau interaksi sosial (Dozan & Rahman, 2021; Efendi & Iskandar, 2024; Segar & Wati, 2022).

Keunikan pendekatan ini turut terserlah melalui elemen refleksi berterusan yang menghubungkan sesi pengajian dalam satu kitaran. Dalam konteks ini, sesi seterusnya tidak bermula secara terpisah, tetapi mengambil kira pengalaman amalan jemaah daripada sesi sebelumnya. Jemaah berpeluang berkongsi pengalaman, cabaran dan perubahan yang berlaku hasil pengamalan ayat yang telah dipelajari, sekali gus menjadikan proses pembelajaran bersifat kitaran yang berterusan. Pendekatan ini mengangkat kelas tafsir daripada sekadar penyampaian ilmu kepada satu bentuk penambahbaikan pembelajaran yang menghubungkan teks wahyu dengan perubahan diri secara nyata. Hal ini selari dengan pendekatan pengajian al-Quran kontemporari yang menekankan kesinambungan antara pemahaman, penghayatan dan pembentukan tingkah laku melalui proses pembelajaran yang aktif dan reflektif (Aulia et al., 2024; Afriyanto & Anandari, 2025).

Secara keseluruhannya, integrasi tilawah, tadabbur dan amal dalam dimensi mikro memperlihatkan bahawa satu sesi pengajian al-Quran di masjid berpotensi berfungsi sebagai ruang pembinaan ilmu, kesedaran dan amalan secara serentak. Tilawah membina hubungan dengan teks, tadabbur memperdalam kefahaman, muhasabah mencetuskan kesedaran diri, amal menterjemahkan nilai dalam tindakan, manakala refleksi memastikan kelestarian perubahan. Oleh itu, pengajian al-Quran di masjid tidak lagi terhad kepada penyampaian maklumat, tetapi menjadi proses pendidikan yang menyeluruh dalam membentuk pemikiran, sikap dan tingkah laku jemaah berasaskan nilai-nilai al-Quran.

### 3.4.2 *Kerangka Pedagogi Pengajian Al-Quran Makro Berasaskan Masjid*

Dalam kerangka makro, integrasi tilawah, tadabbur dan amal dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu melalui keseluruhan ekosistem pengimarah masjid yang berfungsi sebagai satu sistem pendidikan yang bersepadu. Dalam kerangka ini, tilawah, tadabbur dan amal tidak semestinya berlaku dalam satu program yang sama, tetapi tersebar dalam pelbagai bentuk aktiviti yang saling melengkapi antara satu sama lain. Tilawah direalisasikan melalui kelas tajwid dan tahsin yang menumpukan kepada ketepatan bacaan (Sharifah Norshah Bani et al., 2018; Haziq & Abdul Hafiz, 2021), tadabbur dilaksanakan dalam kuliah tafsir dan halaqah ilmu yang menghuraikan makna serta hikmah ayat (Badli Shah et al., 2022; Nabilah & Haziq, 2023), manakala amal diterjemahkan dalam program-program kemasyarakatan seperti kebajikan, gotong-royong, ceramah sosial dan inisiatif pembangunan komuniti (Muhyiddin & Ridouan, 2021; Azwar & Usman, 2025). Susunan ini menunjukkan bahawa setiap komponen tilawah, tadabbur dan amal mempunyai ruang pelaksanaannya yang tersendiri dalam struktur program masjid, namun tetap berada dalam satu ekosistem pendidikan yang sama.

Namun kekuatan sebenar kerangka ini tidak terletak pada kewujudan program-program tersebut secara terpisah, tetapi pada tahap penyepaduan antara ketiga-tiga dimensi tersebut melalui tema atau nilai al-Quran yang dikongsi bersama. Integrasi ini berlaku apabila ayat atau tema tertentu dijadikan paksi kepada pelbagai aktiviti masjid. Sebagai contoh, tema sedekah atau infak boleh dimulakan dalam kelas tilawah melalui bacaan ayat-ayat berkaitan, seterusnya dihuraikan dalam kuliah tafsir yang menjelaskan makna, hukum dan hikmah ayat tersebut dan akhirnya diterjemahkan dalam bentuk program pengimarah seperti kutipan derma, bantuan kebajikan atau inisiatif bank makanan. Dalam pelaksanaan program tersebut, elemen tadabbur turut boleh diselitkan sama ada dalam ucapan pembukaan atau penutup bagi mengingatkan jemaah terhadap asas wahyu yang menjadi pendorong kepada amalan tersebut. Pendekatan ini selari dengan konsep tadabbur yang menekankan hubungan antara pemahaman ayat dan penghayatan nilai dalam kehidupan praktikal (Senjaya et al., 2023; Nasir et al., 2024), di samping pendekatan pengamalan al-Quran yang menekankan penterjemahan nilai wahyu dalam tindakan sosial masyarakat (Dozan & Rahman, 2021; Efendi & Iskandar, 2024). Pendekatan ini menjadikan tilawah, tadabbur dan amal berlaku secara merentas program dan bukan dalam bentuk terasing.

Struktur ini memperlihatkan bahawa masjid berperanan sebagai sebuah ruang pendidikan yang hidup di mana ajaran al-Quran bukan sahaja disampaikan dalam bentuk teori, tetapi dihidupkan melalui pengalaman kolektif jemaah. Setiap aktiviti masjid, sama ada berbentuk pembelajaran, ibadah atau sosial, menjadi medium untuk menghubungkan ayat al-Quran dengan realiti kehidupan. Justeru, jemaah tidak hanya

mendengar dan memahami ayat, tetapi turut menyaksikan dan terlibat secara langsung dalam pengamalannya dalam konteks masyarakat. Pendekatan ini juga menonjolkan bahawa pembelajaran al-Quran di masjid berlaku secara tidak formal dan berterusan, merentas ruang kelas dan merangkumi keseluruhan pengalaman sosial dan spiritual jemaah. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa institusi masjid berfungsi sebagai pusat pembangunan ummah dan pembentukan budaya hidup berteraskan al-Quran dalam masyarakat (Semiha et al., 2021; Silvia & Rike, 2021; Muhyiddin & Ridouan, 2021).

Secara keseluruhannya, integrasi tilawah, tadabbur dan amal pada dimensi makro memperkukuh fungsi masjid sebagai institusi pendidikan Islam yang menyeluruh. Tilawah membina asas interaksi dengan teks, tadabbur memperdalam kefahaman, manakala amal menghidupkan nilai al-Quran dalam bentuk tindakan kolektif masyarakat. Penyepaduan ketiga-tiga dimensi ini melalui tema yang sama menjadikan pendidikan al-Quran di masjid bersifat kontekstual, aplikatif dan berimpak sosial. Justeru, kerangka tilawah, tadabbur dan amal berasaskan ekosistem masjid bukan sahaja menggambarkan kesinambungan antara ilmu dan amal, tetapi turut mengangkat masjid sebagai pusat pembentukan budaya hidup berteraskan al-Quran dalam masyarakat Muslim.

### 3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa integrasi tilawah, tadabbur dan amal dalam pengajian al-Quran berasaskan masjid dapat difahami melalui dua kerangka utama yang saling melengkapi, iaitu kerangka mikro berasaskan modul dalam sesi pengajian dan kerangka makro berasaskan ekosistem pengimarah masjid. Pada dimensi mikro, tilawah, tadabbur dan amal berfungsi sebagai satu aliran pedagogi yang tersusun dalam satu sesi pengajian, bermula dengan tilawah, diikuti tadabbur, seterusnya muhasabah dan amal, serta disokong oleh elemen refleksi berterusan. Kerangka ini menumpukan kepada pembentukan individu dengan menghubungkan bacaan, pemahaman dan penghayatan secara langsung dalam pengalaman pembelajaran, sekali gus menghasilkan impak yang lebih mendalam terhadap perubahan sikap dan tingkah laku peserta.

Sebaliknya, pada dimensi makro, tilawah, tadabbur dan amal tidak berlaku dalam satu sesi yang sama, tetapi tersebar dan diintegrasikan merentas pelbagai program masjid yang saling melengkapi. Tilawah dilaksanakan dalam kelas tajwid dan tahsin, tadabbur dalam kuliah tafsir dan halaqah ilmu, manakala amal direalisasikan melalui program pengimarah seperti kebajikan, pembangunan komuniti dan aktiviti sosial. Penyepaduan ketiga-tiga komponen ini berlaku melalui tema atau nilai al-Quran yang sama, menjadikan keseluruhan aktiviti masjid bergerak dalam satu kerangka yang bersepadu. Dalam konteks ini, impak yang terhasil bersifat kolektif dan menyumbang kepada pembentukan budaya hidup berteraskan al-Quran dalam masyarakat.

Perbezaan utama antara kedua-dua kerangka ini dapat dilihat dari segi skop, sifat dan fungsi pelaksanaannya. Kerangka mikro bersifat lebih terfokus kepada satu sesi pengajian dengan penekanan kepada integrasi dalam kelas pengajian atau program dan memberi impak kepada pembinaan individu, manakala kerangka makro melibatkan keseluruhan sistem masjid dengan penekanan kepada integrasi antara program dan memberi impak kepada komuniti secara menyeluruh. Dari sudut kekuatan, kerangka mikro berupaya membentuk kefahaman dan penghayatan yang mendalam dalam kalangan peserta, manakala kerangka makro berupaya membina kesinambungan

antara ilmu dan amal dalam kehidupan sosial. Namun demikian, kedua-duanya turut berdepan cabaran tersendiri, di mana kerangka mikro memerlukan disiplin dan keupayaan pedagogi pengajar untuk mengintegrasikan semua komponen secara efektif, manakala kerangka makro memerlukan koordinasi yang baik antara pelbagai program masjid bagi memastikan kesepaduan tema dan pelaksanaan.

Justeru, integrasi tilawah, tadabbur dan amal melalui kedua-dua kerangka ini memperlihatkan bahawa pendidikan al-Quran berasaskan masjid tidak hanya berlaku dalam ruang pengajian formal, tetapi merangkumi keseluruhan pengalaman pembelajaran individu dan komuniti. Gabungan dimensi mikro dan makro ini membentuk satu kerangka pedagogi yang holistik, yang bukan sahaja menghubungkan tilawah, tadabbur dan amal secara sistematik, tetapi turut mengukuhkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan al-Quran yang berfungsi dalam membentuk masyarakat yang membaca, memahami dan mengamalkan ajaran wahyu secara bersepadu.

#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan bahawa pengajian al-Quran berasaskan masjid perlu difahami sebagai satu proses pendidikan bersepadu yang melangkaui pendekatan tradisional yang bersifat terpisah antara bacaan, pemahaman dan pengamalan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penelitian dan sintesis antara tilawah, tadabbur dan amal dapat dirumuskan secara konseptual melalui dua kerangka utama, iaitu dimensi mikro yang menstrukturkan aliran pedagogi dalam satu sesi pengajian, serta dimensi makro yang menghubungkan pelbagai program masjid dalam satu ekosistem pendidikan yang saling melengkapi. Pada dimensi mikro, tilawah, tadabbur dan amal berfungsi sebagai mekanisme pembinaan individu melalui pengalaman pembelajaran yang menyeluruh, manakala pada dimensi makro, tilawah, tadabbur dan amal membentuk kesinambungan antara ilmu dan amal dalam kehidupan komuniti melalui penyepaduan aktiviti berasaskan tema al-Quran. Kefahaman ini menegaskan bahawa pendidikan al-Quran di masjid tidak lagi wajar dilihat sebagai aktiviti pengajian yang terhad kepada ruang kelas, tetapi sebagai satu sistem pembelajaran yang hidup dan berterusan.

Dari sudut sumbangan, kajian ini membina satu kerangka pedagogi tilawah, tadabbur dan amal yang menyatukan pendekatan-pendekatan pengajian al-Quran yang sebelum ini dilihat beroperasi secara berasingan, sekali gus memposisikan masjid sebagai "*living curriculum*" yang menghidupkan ajaran wahyu dalam realiti masyarakat. Kerangka ini bukan sahaja mempunyai implikasi teoretikal dalam memperkaya wacana pedagogi pengajian tafsir, tetapi juga implikasi praktikal dalam memperkukuh reka bentuk program dan pengajaran di masjid agar lebih bersepadu, kontekstual dan berimpak. Sehubungan itu, kajian masa hadapan disarankan untuk meneliti keberkesanan kerangka ini secara empirikal serta membangunkan instrumen penilaian yang mampu mengukur integrasi tilawah, tadabbur dan amal dalam pelbagai konteks masjid. Akhirnya, pengintegrasian tilawah, tadabbur dan amal bukan sekadar pendekatan pedagogi, tetapi merupakan manifestasi pendidikan al-Quran yang autentik dalam membentuk masyarakat yang bukan sahaja membaca dan memahami wahyu, tetapi turut menghayati serta mengamalkannya sebagai asas kehidupan.

## 5. PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah dana penyelidikan GPIU 2026 kod 2025/P/GPIU/GPM-003 dan tajuk Literasi Al-Quran Dalam Kalangan Masyarakat Muslim Di Kelas-Kelas Pengajian Al-Quran Masjid Negeri Selangor.

## 6. RUJUKAN

- Abdullah, A. A., Ibrahim, A. A. C., Hasan, S. A., & Sabtu, M. (2021). Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran: Satu kajian di sekolah menengah/Maahad Hafiz Jeram (banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal'ulwan*, 6(1), 80-94.
- Achmad, A. (2025). Strengthening The Synergy of Iman, Islam, and Ihsan Through Tadabbur of Qur'anic Messages. *TATHO: International Journal of Islamic Thought and Sciences*, 1-10.. <https://doi.org/10.70512/tatho.v2i1.50>
- Afriyanto, D., & Anandari, A. A. (2025). Literasi Al-Qur'an dalam Pembinaan Iman dan Taqwa (IMTAQ): Studi Living Al-Qur'an di SMAN 9 Yogyakarta. *IN RIGHT: Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*, 14(1), 61-94. <https://doi.org/10.14421/inright.v14i1.4098>
- Aini, S. (2025). A comparison of traditional and modern Qur'anic teaching methods in Islamic education. *Journal of Noesantara Islamic Studies*. <https://doi.org/10.70177/jnis.v2i1.1843>
- Alfisyah, N. L., Harahap, Z., & Ruslan, M. (2023). The Influence of The Ability to Read Al-Qur'an on The Quality of Students Memorization of Al-Qur'an. *Al-Fikru: Jurnal Ilmiah*, 17(1), 139-150. *Al-Fikru: Jurnal Ilmiah*. <https://doi.org/10.51672/alfikru.v17i1.195>
- Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, Al-Ḥusayn bin Muḥammad. (1992). *Al-Mufradāt Fī Ḡharīb al-Qurān*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Arifin, Z., Alim, A., & Al Kattani, A. H. (2020). Model Pembelajaran Tadabbur Al-Qur'an dalam Kitab At-Tibyan untuk Pondok Pesantren Tahfidz. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), 171-181. <https://doi.org/10.32832/tawazun.v13i2.3955>
- Aulia, A. P., Nasution, A. F., & Pulungan, J. J. (2024). Implementasi program tadabbur Al-Quran dalam meningkatkan pemahaman isi kandungan Al-Quran siswa di SMP Muhammadiyah 1 Medan. *Al-Wasathiyah: Journal of Islamic Studies*, 3(1), 65-77. <https://doi.org/10.56672/alwasathiyah.v3i2.350>
- Aulia, S., Rahman, Y., & Wardani, F. (2025). Tradisi amalan empat surah di Ponpes Daarul Ulum Putri, Pekanbaru Riau: Studi Living Qur'an. *IMTIYAZ: Jurnal Ilmu Keislaman*, 9(1), 177-190. <https://doi.org/10.46773/imtiyaz.v9i1.1716>
- Azwar, & Usman, A. H. . (2025). Mosque empowerment: The quranic perspective and financial management. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 4(2), 1–19. Retrieved from <https://almimbar.uis.edu.my/index.php/almimbar/article/view/101>.
- Badli Shah, B. A., Ahmad Effat, M., & Fahmi Zaidi, A. R. (2022). Program “Tafaqquh Fiddin” anjuran kerajaan negeri Pahang di masjid-masjid di negeri Pahang: Suatu sorotan. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 2(2), 63–70.

- Basir, A., Tamjidnor, T., Suraijjah, S., Karoso, S., Saidi, S., & Sholihah, M. (2024). Enhancing Qur'an reading proficiency in madrasahs through teaching strategies. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Islam*. <https://doi.org/10.31538/nzh.v7i2.4985>
- Dozan, W., & Rahman, S. (2021). The Living Quran: Tradisi Free Lunch Setelah Shalat Jumat di Masjid Jogokariyan Yogyakarta. *REVELATIA Jurnal Ilmu Al-Quran Dan Tafsir*, 2(2), 194-205. <https://doi.org/10.19105/revelatia.v2i2.5121>
- Efendi, R., & Iskandar, T. F. (2024). Implementasi Al-Qur'an dan Dampaknya terhadap Kualitas Hidup. *Al Mabhats: Jurnal Penelitian Sosial Agama*, 9(1), 1-16.
- Elenia, S. (2025). Elenia, S. (2025). The Role of the Maqasid Approach as a Key Instrument in Qur'anic Tadabbur in the Contemporary Era. *Afkaruna: International Journal of Islamic Studies (AIJIS)*, 2(2), 136-156. <https://doi.org/10.38073/aijis.v2i2.2438>
- Haq, I. A. (2025). Penerapan Nilai-Nilai Tafsir Tarbawi Dalam Kegiatan Belajar Mengajar: Meneladani Strategi Pendidikan Rasulullah SAW. *Mustaneer: Journal of Islamic Thought and Civilization*, 1(1), 40-59. <https://doi.org/10.61630/mjtc.v1i1.7>
- Hasanah, N., Sutra, S., Admojo, S., & Saleh, M. (2022). Madrasah Diniyah as Media Teaching and Learning Islamic Moderation Values at Qur'an Learning Centers. *Edukasi: Jurnal Pendidikan*. <https://doi.org/10.31571/edukasi.v20i2.4046>
- Hasanah, T. B., & Hayati, F. (2025, August). Metode Iqra'dapat Meningkatkan Minat Baca Al Qur'an Pada Anak di Masjid Al Barokah. Dalam *Bandung Conference Series: Islamic Education* (Vol. 5, No. 2, pp. 823-830). <https://doi.org/10.29313/bcsied.v5i2.21303>.
- Haziq, M., & Abdul Hafiz, A. (2021). Pengajian tafsir al-Quran di Masjid Negeri Johor dalam membentuk peribadi umat Islam. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(2), 394–398.
- Husna, R., Zulmuqim, Z., & Zalnur, M. (2022). Pendidikan Diniyah: Dinamika TPQ-TQA dan MDT (Awu) dan Sejenisnya Dalam Pengembangan Pendidikan Islam di Indonesia. *Jurnal Kawakib*. <https://doi.org/10.24036/kwkib.v3i1.33>
- Ibn Fāris, Ahmad. (2002). *Maqāyīs Al-Lughah*. Damsyik: Ittihād al-Kitāb al-'Arab.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl. (2009). *Tafsīr Al-Qur'ān Al-'Āzīm*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī.
- Ishaq, Z., & Hamid, I. M. (2021). Konsep dan Metode Tadabbur dalam Al-Qur'an. *Ummul Qura Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD) Lamongan*, 16(2), 132-14. <https://doi.org/10.55352/uq.v16i2.143>
- Iswati, I., & Cahyono, H. (2022). Pendampingan modernisasi kurikulum taman pendidikan al-qur'an (TPQ) masjid masjid nurul iman tejoagung kota metro sebagai upaya menarik minat anak pada masjid. *SINAR SANG SURYA: Jurnal Pusat Pengabdian Kepada Masyarakat*. <https://doi.org/10.24127/sss.v6i2.2187>
- Jakfar, M., Haris, A. R., & Zulfikar, F. (2020). Lembaga tahfiz Al-Qur'an dalam sejarah pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 14(1), 1-12. <https://doi.org/10.32832/jpls.v14i1.3320>
- Junaedi, J., Syafi'i, I., Hasyim, F., & Marwat, M. J. (2025). Transformational Curriculum Model through Interpretation Epistemology; Islamic Boarding School Curriculum Management Perspective. *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 6(3), 387-403. <https://doi.org/10.31538/munaddhomah.v6i3.1802>
- Muasomah, L., Muthi'ah, B., Irmawati, D., Listiani, A., Rubbiyati, A., Syaifudin, A., Alamsyah, B., Nisa, F., Nashiroh, I., Faturrohman, J., Ubaidillah, M., Firdaus, M., Sanjani, M., Waluyo, N., Fitrianti, R., Mahmudah, R., & Lestari, S. (2024). Pengorganisasian Taman Pendidikan Al-Quran (Tpa) Dalam Upaya

- Meningkatkan Mutu Manajemen Pendidikan Islam Di Desa Pandansari Kecamatan Sine Kabupaten Ngawi. *LOYALITAS: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*. <https://doi.org/10.30739/loyalitas.v7i2.3240>
- Muhamad, N., bin Hashim, A., Abdullah, W. H. B., Zaman, M. A. B. K., & Zamri, F. A. B. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education*, 4(32), 273-283.
- Muhyiddin, A. D., & Ridouan, A. (2021). Peranan Ahli kariah masjid dalam mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid: Satu kajian di Masjid Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang Darul Makmur.
- Muliati, I., Jamri, J., & Noviyenti, N. (2023). Peranan Pendidikan Islam Berbasis Masyarakat (Studi terhadap Kajian Rutin di Masjid Raya Istiqlal Kampung Kalawi Kota Padang). *AS-SABIQUN*. <https://doi.org/10.36088/assabiqun.v5i6.4078>
- Nabilah, H. I., & Haziyah, H. (2023). Kaedah pengajian tafsir al-Quran di Malaysia: Sorotan literatur dari 2018–2023. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 168–181.
- Nasir, M., Isasih, W. D., & Ajiani, I. P. F. (2024). Pembinaan Karakter Religius Siswa Melalui Program Tahfidz Dan Tadabbur Al-Qur'an Di Sma Islam Al Azhar NW Kayangan Lombok Barat. *Jurnal Zentrum Mengabdi*, 1(2), 67-73. <https://doi.org/10.69657/bc5yve96>
- Nasyirudin, I., & Al-Kattani, A. H. (2022). Pendidikan tafsir bagi santri di pesantren tahfidz. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 15(3), 429-438. <https://doi.org/10.32832/tawazun.v15i3.9134>
- Ningsih, I., Basri, H., & Suhartini, A. (2022). Implementasi Study Living Qur'an di Pesantren Mahasiswa Institut Ilmu Al-Qur'an Jakarta. *Journal Analytica Islamica*, 11(2), 340-352. <https://doi.org/10.30829/jai.v11i2.13706>
- Noh, M. A. C., Tamuri, A. H., Razak, K. A., & Suhid, A. (2014). The study of quranic teaching and learning: United Kingdom experience. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(16), 313-317. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n16p313>
- Nurjanah, S., & Zulkarnaen, I. (2022). Pendampingan masyarakat melalui peningkatan fungsi masjid sebagai penguat ukhuwah Islamiyah dan pendidikan Islam berbasis nilai-nilai religius di desa Aengdake Bluto Sumenep. *ABDINA: Jurnal Sosial dan Pengabdian kepada Masyarakat*. <https://doi.org/10.28944/abdina.v1i1.547>
- Qolbi, R. (2024). Aksi Sosial Mengajar Anak Taman Pendidikan Al-Qur'an Masjid Andalusia Islamic Center. *Tamkin Jurnal Pemberdayaan Tazkia*. <https://doi.org/10.30993/tamkin.v2i1.398>
- Rashid, S. M. M., & Jamil, N. R. M. (2025). Kompetensi Profesional Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran: Professional Competency of Islamic Education Teachers in Teaching Quranic Recitation to Students with Hearing Impairments. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 9(1), 83-95. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol9no1.261>
- Sain, M., Asmariyani, A., Ahmad, A., & Siagian, S. (2021). Pembinaan Remaja Masjid dalam Mempelajari Al-Quran. *ABDIMASY: Jurnal Pengabdian dan Pemberdayaan Masyarakat*. <https://doi.org/10.46963/ams.v2i1.333>
- Segar, D. K., & Wati, E. A. F. (2022). The Living Qur'an: Makna Mujahadah Di Pondok Pesantren Isc Aswaja Lintang Songo Piyungan Bantul Yogyakarta. *REVELATIA*

- Jurnal Ilmu Al-Quran Dan Tafsir*, 3(1), 18-30. <https://doi.org/10.19105/revelatia.v3i1.5423>
- Semiha, S., Altinyelken, H. K., & Volman, M. L. L. (2021). Pedagogies of Turkish mosque education in the Netherlands. *Journal of Muslims in Europe*, 10(2), 210–233.
- Senjaya, S., Kosasih, A., Hermawan, W., & Oki, A. (2023). Implementasi Tadabbur Berbasis Maqāsid Al-Qur'an. *ZAD Al-Mufassirin*, 5(1), 78-92. <https://doi.org/10.55759/zam.v5i1.65>
- Setyo, A. W., & Iksan. (2025). MIM (Maghrib Isya Mengaji): An innovation in mosque-based al-Qur'an learning for parents. *Instructional Development Journal*, 8(2), 214–219.
- Shafiai, M. Z., & Rahim, M. M. A. (2021). Hubungan talaqqi musyafahah dengan bacaan al-Quran dan qiraat pelajar institusi tahfiz di negeri Perak [Correlation between talaqqi musyafahah and the reading of the Qur'an and qiraat of the tahfiz institution in the Perak state]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(2), 62-74.
- Sharifah Norshah Bani, S. B., Mohd Shafiee, H., Tasnim, A. R., Kasimah, K., & Nik Azeah, N. A. (2018). Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 93–108.
- Silvia, S., & Rike, P. (2021). Pelaksanaan pembelajaran al-Qur'an di Lembaga Pendidikan Qur'an Masjid Nurul Iman. *At-Tarbiyah al-Mustamirrah: Jurnal Pendidikan Islam*, 2(1), 40–46.
- Sin, N. Z. M. (2014). Definisi Qawa'id al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan dengan Qawa'id al-Tafsir. *International Journal of Quranic Research*, 6(1), 63-82.
- Sulaiman, S. S. (2018). Kaedah hafazan: suatu tinjauan ringkas. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 2(1), 44-59.
- Ulum, B., Yarnis, S., Chairatunnisa, J., Rahma, L., Ikhsani, F. N., Nasution, S. A., & Rusdy, V. M. (2025). Enhancing Islamic Educational Outcomes through Community-Based Research. *Al-arkhabii: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 5(1), 1-11. [https://doi.org/10.51590/jpm\\_assunnah.v5i1.740](https://doi.org/10.51590/jpm_assunnah.v5i1.740)
- Yusuff, M. S. S., Haji-Othman, Y., & Manaf, M. R. A. (2021). Tadabbur Surah Al-Hadid Using the Quran Tadabbur Digital Application: A Critical Analysis. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 1138-1143. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i4/9776>